Bitara

eISSN : 2805-5470

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

BIL. 3 / 2025

Pesta Buku UTHM 2025 (PESBUK 2025)

Penerbit UTHM · MyREI · TRANSFORM · MyRIVET · RMC · INDUSTRY COMMUNITY RELATIONS CENTRE ICRC · INSTITUTE FOR INTEGRATED ENGINEERING · iSWAJ UTHM · ICC

© Penerbit UTHM
Terbitan Ketiga 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang untuk menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Diterbit oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698/8529
No. Faks: 07-453 6145

Redaksi BITARA

Penaung
Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad

Penasihat
Prof. Ts. Dr. Norzila binti Othman

Ketua Editor
Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan

Sidang Editor
Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |
Cik Nurhuda binti A Malik

Konsep dan Rekaan
Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |
Cik Nurhuda binti A Malik

Penyumbang Berita
Pejabat Penerbit - Dr. Nurhafiza binti Hamzah,
Pn. Sarena binti Kadeni, En. Mohammad Ahyar bin Zulkefli,
Cik Nurhuda binti A Malik |
MyREI - Prof. Madya Sr. Dr. Abdul Jalil bin Omar,
Dr. Indera Syahrul bin Mat Radzuan,
Cik Emy Syafiqah Nadia binti Mohd Hamidi |
TRANSFORM - Dr. Zahrul Akmal bin Damin |
MyRIVET - En. Ahmad Khirul Nizam bin Ali |
RMC - En. Mohd Faiq bin Azhar |
ICRC - Prof. Madya Dr. Abu Ubaidah bin Shamsudin |
I²E - Cik Maizatulazrina binti Yaakob |
iSWAJ - Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol |
ICC - En. Mohd Raimi bin A. Samat |

Percetakan
Pejabat Penerbit UTHM

Isi Kandungan

04-09 Aktiviti Pejabat Penerbit
10-11 Aktiviti MyREI
12-13 Aktiviti TRANSFORM
14-15 Aktiviti MyRIVET
16-17 Aktiviti RMC
18-19 Aktiviti ICRC
20-21 Aktiviti I²E
22-23 Aktiviti iSWAJ
24-25 Aktiviti ICC

Redaksi BITARA mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan bagi penerbitan BITARA ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BITARA yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada alamat e-mel *sarena@uthm.edu.my*

Sekilas Pandang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja Buletin Bitara atas kejayaan menjadikan Buletin Bitara sebagai salah satu medium dan platform penting dalam menghebahkan pelbagai aktiviti kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta program-program di bawah Pejabat TNCPI. Inisiatif ini bukan sahaja menjadi saluran maklumat yang berkesan, malah turut menyokong aspirasi universiti dalam mendepani cabaran persekitaran pendidikan tinggi yang semakin kompetitif.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas segala pencapaian Pejabat Penerbit UTHM sepanjang tahun 2025. Pejabat Penerbit UTHM kekal komited dalam memperkasakan penerbitan ilmiah universiti sejajar dengan aspirasi UTHM ke arah melahirkan generasi *Global Technopreneur*. Tahun ini juga mencatatkan kejayaan yang amat membanggakan apabila Pejabat Penerbit UTHM menerima Anugerah daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi Kategori Scopus -Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Perubatan bagi *Journal of Soft Computing and Data Mining* (JSDM) sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan pembangunan modal insan, di samping pencapaian Anugerah Pereka MAPIM yang mengiktiraf kreativiti, inovasi dan kualiti reka bentuk dalam penerbitan universiti.

Dari sudut keterlihatan universiti, penglibatan aktif Pejabat Penerbit UTHM dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025 dan penganjuran Pesta Buku UTHM (PESBUK) 2025 menjadi platform penting untuk menonjolkan hasil penerbitan akademik, inovasi kandungan serta kepakaran warga universiti kepada masyarakat umum dan industri.

Dalam mendukung agenda GTU2030, Pejabat Penerbit UTHM terus memacu transformasi melalui pendigitalan penerbitan, pengantarabangsaan karya, penerbitan akses terbuka (*open access*) dan pemerkasaan pemasaran digital. Usaha ini bertujuan memastikan hasil intelektual UTHM lebih mendapat tempat di peringkat global, di samping membuka peluang komersialisasi penerbitan secara mampan.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada seluruh warga Pejabat Penerbit UTHM atas komitmen dan dedikasi berterusan. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan lebih gemilang dan seterusnya mengangkat UTHM sebagai peneraju *technopreneur* pendidikan tinggi menjelang GTU2030.

Sekian, terima kasih.

PROF. Ts. Dr. NORZILA binti OTHMAN
Pengarah
Pejabat Penerbit
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Slot *Real Talk, Real Vibes: TVET + STEM*

22 Okt 2025 – Pesta Buku UTHM 2025 atau PESBUK 2025 membuka tirainya dengan slot pertama bersama Amin Abid, pempengaruh yang memenangi *Education Creators of the Year Award- Tik Tok Awards* Malaysia 2024 membingcangkan topik *Real Talk, Real Vibes TVET + STEM*. Slot ini membincangkan bagaimana pempengaruh mula menceburkan diri dalam bidang TVET+STEM versi santai yang sering mereka paparkan dalam kandungan konten mereka di laman sosial.

Slot Bicara Buku Fiqh Zakat

22 Okt 2025 – PESBUK 2025 diserikan lagi dengan slot Bicara Buku Fiqh Zakat yang membawakan Ust. Ahmad Husni bin Abd Rahman; Pengurus Kanan Unit Syariah & Antarabangsa Pusat Pungutan Zakat-MAIWP, PM Dr. Patmawati Ibrahim, Felo Penyelidik Bersekutu; Institut Ahli Sunnah wal Jamaah, UTHM dan diketuai oleh moderator Ust Dr. Mustapahayuddin bin Abdul Khalim; Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Islam; Felo Penyelidik Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, UTHM. Slot ini membincangkan dan mengupas secara lalu mengenai buku Fiqh Zakat yang membincangkan lebih mendalam mengenai zakat berpandukan tulisan Dr. Yusuf Al-Qaradawi yang telah dialih bahasa diterjemah ke bahasa Melayu agar mudah untuk dijadikan rujukan.

Majlis Perasmian Penutupan Pesta Buku UTHM 2025

23 Okt 2025 – Majlis Perasmian Penutupan Pesta Buku UTHM 2025 telah mengambil tempat di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. PESBUK 2025 ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Aznan Tamin selaku Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor.

Program selama tiga hari ini merupakan anjuran Pejabat Penerbit UTHM bersama Perpustakaan Tunku Tun Aminah yang bermula dari 22 hingga 24 Oktober 2025. Bertemakan "Buku Kompas Ilmu," program ini bertujuan memperkasa budaya membaca dan ilmu, di samping memperkenalkan penerbit serta hasil karya universiti kepada masyarakat.

PESBUK 2025 turut menjadi platform promosi dan jualan buku, mempertemukan penerbit, penulis dan komuniti ilmu bagi menjalin kolaborasi, berkongsi inspirasi serta menyemarakkan semangat cintakan ilmu dan kreativiti dalam kalangan warga universiti dan masyarakat umum.

Turut hadir pada majlis perasmian adalah Adun Parit Raja; Yang Berhormat Puan Hajah Nor Rashidah binti Haji Ramli, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi); Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, Ketua Perpustakaan; Pn. Zaharah binti Abd Samad, Provost Uthm-Kampus Pagoh; Prof. Dr. Afandi Bin Ahmad , Dekan Pusat Pengajian Siswazah; Prof. Dr. Mohamad Zaky bin Noh, Pengarah Pejabat Penerbit; Prof. Ts. Dr. Norzila binti Othman, Pegawai-pegawai Kanan Universiti, para penaja, wakil industri serta para pelajar dan guru.

Slot Pelancaran Buku Terbitan 2025 &
Majlis Apresiasi Penerbitan Buku 2024

23 Okt 2025 - PESBUK 2025 diteruskan dengan penyampaian Apresiasi Penerbitan Buku 2024 oleh Yang Berhormat Tuan Aznan Tamin selaku Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor dan seterusnya Pelancaran Buku Terbitan 2025. Dalam ucapan perasmian, Yang Berhormat menekankan PESBUK 2025 bukan sekadar pesta buku, tetapi juga wadah ilmu dan aspirasi pendidikan yang menggalakkan budaya membaca, memperkasa hasil akademik serta memperkenalkan penulis tempatan kepada masyarakat khususnya anak-anak muda Johor.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada para penulis atas dedikasi mereka dalam menghasilkan karya bermutu. Penerbit berharap program ini menjadi platform berterusan untuk menghargai usaha kreatif serta memupuk hubungan lebih erat antara penulis, penerbit dan pembaca.

Slot Ceramah Inspirasi:
Emas Kuning: Peluang & Inovasi Perkongsian Saudagar Nanas

23 Okt 2025 – Pada petang hari kedua PESBUK dipenuhkan oleh slot Ceramah Inspirasi perkongsian bersama saugadar nanas yang dikongsikan oleh En. Mohd Noorhardy Mohd Noorzain (Saudagar Nanas). Slot yang berkongsi bagaimana perjalanan pengusaha nanas sehingga berjaya dikomersialkan, dikongsi juga bagaimana cara mencari peluang, bantuan-bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk petani di Malaysia.

Slot Forum Bicara Kesihatan: Pakar Bicara, Inspirasi Juara

24 Okt 2025 – Program hari terakhir PESBUK diteruskan dengan bicara santai kesihatan yang membawakan Dr. Nur Hannani binti Kamarudin; Pakar Kesihatan, En. Ahmad Syakir bin Mohamad Jamil; atlit bina badan dan dikendalikan Dr. Siti Zulaikha Binti Asmani; Doktor Perubatan PKU, UTHM. Dalam slot ini membicarakan mengenai kesihatan yang semakin meruncing berdasarkan pola kehidupan generasi masa kini. En. Ahmad Syakir malah berkongsi bagaimana mengawal pola makanan dan menguruskan masa untuk bersukan sehingga berjaya menjadi atlet bina badan

Slot Jelajah Kampus :
Kekal Tenang untuk Berjaya

24 Okt 2025 – Program terakhir untuk PESBUK 2025 sebelum melabuhkan tirainya, sesi Jelajah Kampus PTS bersama Tuan Syamsul Amri A Razak dan Ustazah Nuraini Shahbuddin.

Sesi ini membincangkan buku terbitan Tuan Syamsul Amri, *From Network to Net Worth,* yang mengupas bagaimana pelajar perlu bijak menukarkan sesuatu yang biasa kepada sesuatu yang amat berharga. Manakala Ustazah Nuraini mengupas hasil karyanya mengenai pesanan yang terdapat dalam Al-Quran agar berterus bertahan dan tenang untuk damai dan senang datang dalam kehidupan.

Slot Pertandingan Permainan STEM

24 Okt 2025 – Antara aktiviti menarik di PESBUK 2025 adalah Pertandingan Permainan STEM bersama Ts. Muhammad Shukri. Pertandingan Permainan STEM merupakan inisiatif pendidikan yang bertujuan memupuk minat murid terhadap sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik melalui pendekatan pembelajaran berasaskan permainan. Program ini menekankan kreativiti, penyelesaian masalah, pemikiran kritis serta kerjasama pasukan melalui aktiviti interaktif yang menggabungkan elemen eksperimen, strategi dan inovasi. Pertandingan ini mempertandingkan beberapa kategori mengikut peringkat sekolah.

Pertandingan peringkat sekolah rendah telah berlangsung pada hari kedua dengan penyertaan pelajar Tahun 4 hingga Tahun 6 dari pelbagai sekolah di sekitar Batu Pahat, Kluang dan Muar. Mereka diminta mencipta dan menguji permainan ringkas berasaskan konsep robotik dan berlawan mengikut giliran yang ditentukan.

Pada hari ketiga pula, pertandingan bagi sekolah menengah menyaksikan penyertaan pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Dan bagi penyertaan kategori menengah mendapat sambutan dimana terdapat penyertaan dari luar negara. Dan keputusan pertandingan diumum pada akhir program mengikut kategori dan peringkat dimana peringkat sekolah rendah kategori *Tracer* dimenangi oleh SK Kampong Bahru, Muar, *Battle* dimenangi oleh SK Taman Indahpura 2, *Soccer* dimenangi oleh SK Bakri Batu Lima, *Robo Tracer* Yayasan TM dimenangi oleh SK Kahang, *Robo Battle* Yayasan TM dimenangi oleh SK Chembong, *Soccer Battle* Yayasan TM dimenangi oleh SK Felda Kahang Timur. Manakala bagi sekolah menengah kategori *Tracer* dimenangi oleh High School Batu Pahat, *Battle* dimenangi oleh High School Batu Pahat 1, dan *Soccer* dimenangi oleh Mans (Indonesia).

Program dua hari ini bukan sahaja mencungkil bakat muda dalam STEM, malah menggalakkan inovasi serta meningkatkan keyakinan pelajar dalam meneroka bidang masa depan.

Anugerah Bitara Kirana UTHM 2025

11 Ogos 2025 - Penerbit UTHM mengucapkan setinggi-tinggi TAHNIAH kepada Cik Yuniza binti Asri (Pembantu Pereka B2), penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Puan Sarena binti Kadeni (Pembantu Tadbir P/O N2), penerima Anugerah Taat Setia di Majlis Anugerah Bitara Kirana UTHM 2025. Semoga dengan penganugerahan ini dapat menyuntik jiwa dan menyemarakkan lagi semangat penerima anugerah dan rakan staf lain dalam memberikan perkhidmatan terbaik buat universiti dan masyarakat.

Tahniah *Journal of Soft Computing and Data Mining* (JSCDM)!

10 Nov 2025 - *Journal of Soft Computing and Data Mining* (JSCDM) telah mengukir kejayaan gemilang apabila berjaya merangkul Anugerah CRÈME Jurnal 2025 bagi Kategori Indeks SCOPUS dalam bidang Sains Teknologi. Anugerah tersebut disampaikan pada majlis anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi, iaitu Malam Anugerah *Malaysian Scopus Research Star Award* bersempena *Festival of Ideas* (FOI) 2025, bertempat di Hotel Everly, Putrajaya. Majlis penganugerahan yang disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir ini turut menghimpunkan para penyelidik dan penerbit dari seluruh negara bagi meraikan kecemerlangan penerbitan akademik.

Kejayaan ini membuktikan bahawa JSCDM terus unggul sebagai wadah penerbitan berimpak tinggi serta menjadi kebanggaan Penerbit UTHM di persada ilmu. Semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin semangat untuk melakar lebih banyak kejayaan cemerlang pada masa hadapan.

Penerbit UTHM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Editor, sidang editor, serta semua yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung terhadap kejayaan berprestij ini.

Lawatan Kerja dan Promosi Penyelidikan ke Indonesia

3 Ogos 2025 - Lawatan kerja ini telah diadakan selama sembilan hari bermula 26 Julai hingga 3 Ogos 2025 melibatkan delegasi daripada UTHM dan UKM di bawah anjuran MyREI. Program ini merangkumi sesi pembentangan mini kolokium oleh tiga orang wakil institut iaitu Prof. Ts. Dr. Seow Ta Wee, Dr. Indera Syahrul Mat Radzuan dan Dr. Sabariah Eni yang telah membentangkan dapatan kajian mereka di tiga buah universiti iaitu Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), Institut Teknologi Bandung (ITB) dan Universitas Muhammadiyah Jakarta (UMJ). Lawatan ini turut dijayakan bersama pensyarah dari UKM iaitu Dr. Afifuddin Husairi Hussain, pensyarah hos dari UMY iaitu Ir. Nursetiawan yang turut dibantu oleh 2 orang pelajar Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta iaitu Sdr. Izharulhak Saiful Hafni dan Sdr. Mohammad Saiffullah Soffian. Lawatan ini turut disulami dengan aktiviti perbincangan kerjasama akademik serta lawatan budaya dan eksplorasi warisan tempatan. Secara keseluruhan, lawatan ini berjaya memperkukuh jaringan akademik serantau dan telah membuka peluang kolaborasi strategik antara Malaysia dan Indonesia dalam bidang penyelidikan dan kerjasama akademik.

Kursus *Valuation of Heritage Properties*

14 Ogos 2025 - Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan kemahiran profesional dalam penilaian harta tanah warisan. Ia memberi tumpuan kepada konsep, kaedah, dan cabaran penilaian aset warisan yang mempunyai nilai sejarah, budaya, dan seni bina yang tinggi. Program ini turut menekankan kepentingan pendekatan penilaian yang selaras dengan piawaian semasa dan keperluan pihak berkuasa seperti BOVAEP (Board of Valuers, Appraisers, Estate Agents and Property Managers Malaysia). Melalui sesi latihan dan perkongsian pengalaman ini, peserta didedahkan kepada kaedah penilaian kontemporari serta isu-isu pemuliharaan dan kelestarian yang berkaitan dengan pengurusan harta tanah warisan di Malaysia.



Amalan Terbaik Pengurusan Stara Negeri Johor Tahun 2025

10 Sept 2025 - MyREI telah melakar sejarah apabila telah berjaya menganjurkan Seminar Amalan Terbaik Pengurusan Strata Negeri Johor 2025 anjuran bersama dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 10 September 2025 di Menara MBJB, Johor Bahru. Seminar ini telah dihadiri seramai 327 peserta daripada pelbagai agensi, pengurus harta & komuniti strata. Program yang julung-julng kali diadakan ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Datuk Bandar MBJB iaitu Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz Bin Haji Ahmad selaku perasmi.

Kerja Lapangan dan Tinjauan di Memorial Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur

23 Nov 2025 - MyREI telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan kajian bertajuk "*Visitors Survey for Memorial* Tun Abdul Razak". Ia merupakan geran perundingan di bawah *Think City* Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat perundingan yang diasaskan oleh Khazanah Nasional Berhad untuk mentransformasi bandar-bandar di Malaysia melalui empat bidang utama: penjenamaan tempat, analisis, pemuliharaan, alam sekitar & sosial. Kajian ini merupakan kajian jangka pendek selama 3 bulan yang bermula Oktober hingga Disember 2025. Kerja lapangan dan tinjauan telah dijalankan oleh Ketua Perunding iaitu Dr. Indera Syahrul dan Ahli Perunding, Prof. Ts. Dr. Seow Ta Wee dan Prof. Madya Sr Dr. Abdul Jalil Omar (UTHM) serta Dr. Nor Hisham Md Saman (UiTM) dan pembantu-pembantu kerja lapangan yang dilantik. Kerja lapangan dijalankan di Memorial Tun Abdul Razak selain lokasi-lokasi strategik berhampiran memorial yang bersejarah ini yang terletak di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur.



Forum Patriotisme dalam Era Digital

22 Ogos 2025 - TRANSFORM UTHM dengan kerjasama Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat, UTHM telah menganjurkan Forum bertajuk Patriotisme dalam Era Digital sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-68 di peringkat universiti.

Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang makna dan nilai patriotisme dalam konteks teknologi serta media digital supaya peserta dapat menghayati erti semangat patriotik pada era digital kini.

Forum ini telah menampilkan dua panel jemputan iaitu Yang Berhormat Prof. Dato' Dr. Kassim bin Thukiman, Ahli Penasihat Jumaah Majlis DiRaja Johor dan En. Ku Hasnan bin Ku Halim, Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, UTHM. Turut hadir moderator bagi forum ini iaitu YBrs. Dr. Zahrul Akmal bin Damin, Pengarah TRANSFORM, UTHM.

Kunjungan Hormat ke Pihak Berkuasa Kemajuan RISDA, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

23 Sept 2025 - TRANSFORM UTHM telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah pada 23 September 2025. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan potensi kerjasama strategik di antara TRANSFORM UTHM dan RISDA dalam pelaksanaan Kajian Budaya Berprestasi Tinggi/*High Performance Culture* (HPC). Kunjungan ini telah diketuai oleh Prof. Madya Dr. Fadillah binti Ismail dan turut bersama ialah Dr. Zahrul Akmal bin Damin, Prof. Dr. Mohamad Zaky bin Noh dan Dr. Shahidah binti Hamzah.

Kunjungan Hormat ke Sekolah Menengah Kebangsaan Bekok

25 Sept 2025 - TRANSFORM UTHM telah mengadakan kunjungan hormat ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bekok. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan potensi kerjasama di antara TRANSFORM UTHM dan SMK Bekok.

Kunjungan ini telah diketuai oleh Timbalan Pengarah TRANSFORM UTHM iaitu Prof. Madya Dr. Fadillah binti Ismail dan turut bersama ialah Cik Nor Azila binti Nor Azaman. Kehadiran TRANSFORM UTHM telah disambut oleh Pengetua SMK Bekok iaitu Tuan Hj. Zulfidy bin Hj. Monel disertai oleh Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid iaitu Encik Rosli bin Dahlan, Penyelia Asrama iaitu Encik Omar bin Ibrahim dan Ketua Panitia Matematik iaitu Puan Che Sarimah binti Mat Yusoff.

Sesi Menandatangani Sijil Jalinan dan Sesi Perkongsian Bersama Murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Bekok

1 Okt 2025 - Sesi Menandatangani Sijil Jalinan di antara TRANSFORM UTHM, Universitas Muhammadiyah Makassar (UNISMUH), Indonesia dan SMK Bekok telah diadakan dengan jayanya bertempat di SMK Bekok. Sijil Jalinan tersebut telah ditandatangani oleh Pengarah TRANSFORM UTHM iaitu Dr. Zahrul Akmal bin Damin, Ketua Penyelidikan UNISMUH iaitu Dr. Andi Mulawakkang Firdaus dan Pengetua SMK Bekok iaitu Tuan Hj. Zulfidy bin Hj. Monel.

Majlis ini turut disusuli dengan sesi perkongsian ilmu oleh Dr. Zahrul Akmal bin Damin melalui tajuk "*Ready* Masuk U" dan Dr. Andi Mulawakkang Firdaus melalui tajuk "Pengembangan Minat dan Karier Melalui Unit Mahasiswa". Program tersebut melibatkan pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 SMK Bekok yang berpeluang menerima pendedahan awal mengenai perancangan kerjaya dan akses ke pendidikan tinggi.

Sesi Penyampaian Bantuan Komputer Meja (*Desktop*) kepada Pelajar Asnaf di UTHM

5 Nov 2025 - TRANSFORM UTHM dengan kerjasama Pusat Islam, UTHM telah melaksanakan Sesi Penyampaian Bantuan Komputer Meja (*Desktop*) kepada 10 orang pelajar asnaf terpilih sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1447H/2025M peringkat universiti. Bantuan ini merupakan sumbangan daripada Yayasan Al-Tarmidhi sebagai usaha membantu pelajar asnaf meningkatkan akses kepada kemudahan pembelajaran digital, sekali gus menyokong kelangsungan akademik mereka di UTHM.

Penyertaan Persidangan TVET ASEAN di Kuala Lumpur

14 Ogos 2025 - MyRIVET telah menyertai Persidangan TVET ASEAN yang diadakan di *World Trade Center* Kuala Lumpur pada 13–14 Ogos 2025. Acara ini dianjurkan bersama oleh *Human Resource Development Corporation* (HRDCorp) dan Tabung Pembangunan Kemahiran (*Skills Development Fund*), dengan kerjasama *International Labour Organization* (ILO) dan ASEAN, serta sokongan daripada Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Semasa persidangan, MyRIVET membuka booth pameran untuk mempamerkan penyelidikan dasar serta kursus latihan yang ditawarkan, sekaligus meningkatkan keterlihatan dan kolaborasi dalam bidang TVET di peringkat ASEAN.

Lawatan Industri ke Penang *Skills Development Centre* (PSDC) oleh Delegasi UTHM dan UTeM di bawah Projek Pembangunan Model TVET Masa Hadapan (GITC)

27 Ogos 2025 - Pada 27 Ogos 2025, delegasi MyRIVET yang terdiri daripada wakil akademik UTHM dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan lawatan industri ke Penang *Skills Development Centre* (PSDC) di bawah Geran TVET bertajuk "*Development of a Government and Industry-Guided Future TVET Training Model (GITC) to Support the Fourth Industrial Revolution*."

Ketibaan delegasi disambut mesra oleh Mohd Hisham bin Abdul Mutalib (Pengurus Kanan, Perhubungan Kerajaan), Parasathy C. Daivasigamani (Pengurus Kanan, Operasi, Penang *Chip Design Academy*), serta Tan Chian Ming (Ketua Pegawai Teknologi, *Technology Office*). Lawatan ini bertujuan memperkukuh kerjasama akademia-industri dalam pembangunan model TVET masa hadapan yang bersedia menghadapi keperluan Revolusi Industri Keempat.

Dalam delegasi tersebut turut hadir pensyarah kanan, profesor dan pembantu penyelidik daripada UTHM dan UTeM,

Lawatan ini menjadi platform penting dalam merangka model latihan TVET berasaskan kerjasama kerajaan dan industri ke arah kelestarian pembangunan tenaga kerja masa hadapan.

Bengkel Penyelidikan Geran Translasional dan Sesi Sinergi Industri-Institusi

18-19 Sept 2025; Bengkel Penyelidikan Geran Translasional dan Sesi Sinergi Industri-Institusi bagi Pelaksanaan P*rogram Work-based Learning* (WBL) di MTUN dan JPPKK di Sunway Box Hotel Johor Bahru. Fokus perbincangan kepada Kualiti, Kos dan Faedah program WBL kepada industri. Sesi ini melibatkan industri sekitar daerah Johor Bahru yang telah memberikan penempatan kepada pelajar-pelajar WBL dari MTUN dan JPPKK. Sesi ini dikendalikan oleh penyelidik dari UTHM, UTeM dan JPPKK dengan membincangkan apakah keperluan industri untuk membantu institusi memantapkan lagi program WBL pada masa akan datang.

Bengkel Antarabangsa Pertama di Bawah Naungan Kursi UNESCO dalam Pendidik TVET

14-16 Okt 2025 - *International Workshop on Mainstreaming Gender Inclusivity and Embracing Digitalization in* TVET telah diadakan di Ibis Hotel KLCC, Kuala Lumpur.

Majlis pembukaan telah disempurnakan oleh Prof. Ts. Dr. Mimi Mohaffyza binti Mohamad, Ketua Jabatan Latihan dan Pembangunan Kerjaya, MyRIVET, yang mengalu-alukan kehadiran para peserta dan delegasi dengan penuh mesra serta penuh rasa penghargaan.

Bengkel ini menghimpunkan hampir 20 peserta daripada institusi tempatan dan antarabangsa, sekali gus membuka ruang kepada dialog bermakna serta kerjasama strategik dalam kalangan pendidik dan pengamal TVET.

Sepanjang tiga hari penganjurannya, bengkel ini menampilkan pelbagai sesi menarik dan berteraskan pengalaman praktikal, antaranya:

- Memahami Responsiviti Gender dalam Konteks TVET
- Mengenal Pasti Jurang Gender dalam Amalan Pengajaran & Pembelajaran
- Strategi Pengajaran & Pembelajaran yang Responsif Gender
- Trend dan Alat Digital Terkini untuk TVET

Bengkel ini diharapkan dapat memperkukuh usaha memperkasa TVET melalui pendekatan inklusif dan penerapan teknologi digital yang progresif.

Sesi Lawatan Tapak & Pemantauan Projek Penyelidikan IMaP Fasa 1.0 Tahun 2024

7 Ogos 2025 - Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah mengadakan Sesi Lawatan Tapak dan Pemantauan Projek Penyelidikan di bawah Program Padanan Industri (IMaP) Fasa 1.0 Tahun 2024 bersama Jawatankuasa Induk Penilaian (JIP) KPT.

Lawatan ini merupakan sebahagian daripada pemantauan berkala setiap tiga bulan seperti yang digariskan dalam panduan pelaksanaan IMaP.

Bagi sesi pemantauan bulan ke-6 ini, fokus diberikan kepada pelaporan prestasi projek dan pemeriksaan di lokasi pelaksanaan bagi memastikan kemajuan berjalan mengikut perancangan sehingga tarikh tamat projek.

Anugerah Bitara Kirana UTHM 2025

11 Ogos 2025 - Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua warga Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMC) yang telah menerima Anugerah Taat Setia, Anugerah Khas PPSM, dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sempena Anugerah Bitara Kirana 2025.

Pengiktirafan ini adalah tanda penghargaan atas usaha gigih, dedikasi, dan komitmen tinggi seluruh warga RMC dalam mengangkat kecemerlangan penyelidikan dan inovasi di UTHM.

Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin semangat untuk kita semua terus berusaha, mengekalkan budaya kerja yang berkualiti, kreatif, dan penuh integriti demi mencapai visi universiti.

Bengkel Pemurnian Garis Panduan Etika Penyelidikan UTHM

6 Sept 2025 - RMC UTHM telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Garis Panduan Etika Penyelidikan pada 4 hingga 6 September 2025 bertempat di MITC Hotel, Ayer Keroh, Melaka.

Bengkel ini bertujuan memperkukuhkan dan memperhalusi garis panduan etika penyelidikan universiti agar menjadi rujukan utama kepada para penyelidik.

Bengkel telah dipengerusikan oleh Profesor Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad FASc, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), dengan jemputan khas Prof. Madya Dr. John Shia Kwong Siew dari Fakulti Farmasi, UiTM Puncak Alam.

RMC merakamkan penghargaan kepada semua panel yang hadir serta memberikan komitmen dalam memurnikan garis panduan ini demi memperkukuh integriti dan etika dalam penyelidikan UTHM.

Sesi Pembentangan Penilaian Permohonan Projek Penyelidikan SATREPS FY2026

9 Sept 2025 - Telah berlangsung Sesi Pembentangan Penilaian Permohonan bagi Projek Penyelidikan di bawah Kerjasama Teknikal dalam Bidang Sains dan Teknologi antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun (SATREPS FY2026) bertempat di Everly Hotel, Putrajaya.

Sesi ini diadakan bagi menilai cadangan projek penyelidikan yang berpotensi memberi impak besar dalam bidang sains dan teknologi, selaras dengan usaha memperkukuhkan hubungan strategik Malaysia–Jepun.

Melalui kerjasama SATREPS, Malaysia berpeluang memperluas jaringan penyelidikan antarabangsa, selain mengukuhkan pembangunan ilmu serta inovasi teknologi untuk manfaat bersama.

Sesi Perbincangan Kajian Pengesahsahihan Pasaran (*Market Validation Study*) MyLAB 1/2024

22 Sept 2025 - Bilik Mesyuarat Ibnu Marwan 1, Aras 8, Jabatan Pendidikan Tinggi, Putrajaya.

Sesi yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ini menjadi platform penting dalam membincangkan pelaksanaan Kajian Pengesahsahihan Pasaran (*Market Validation Study*) bagi Cadangan Projek *Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration* (MyLAB) 1/2024.

Terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir dan memberi kerjasama dalam menjayakan sesi ini.

Tahniah Diucapkan kepada Penerima Geran FRGS & PRGS Tahun 2025 UTHM

6 Nov 2025 - RMC UTHM merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penyelidik UTHM yang telah berjaya memperoleh Geran Penyelidikan *Fundamental* (FRGS) dan Geran Penyelidikan Prototaip (PRGS) bagi tahun 2025, di bawah pembiayaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Malaysia.

Bagi skim FRGS 2025, UTHM telah menerima jumlah kelulusan sebanyak RM1,475,204.00, manakala bagi skim PRGS 2025, jumlah dana yang diluluskan adalah sebanyak RM450,420.00.

Kejayaan ini membuktikan komitmen tinggi dan kepakaran penyelidik UTHM dalam memperkukuh ekosistem penyelidikan universiti, seterusnya memacu pembangunan inovasi strategik dan penyelesaian teknologi berimpak tinggi bagi manfaat komuniti, industri dan negara.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTHM dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

20 Ogos 2025 - UTHM menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama PTPTN di Dewan Jamuan, Perpustakaan Tunku Tun Aminah. MoU tersebut dimeterai oleh YBhg. Prof. Dr. Mas Fawzi bin Mohd Ali, Naib Canselor UTHM, dan YBrs. Puan Mastura binti Mohd Khalid, Ketua Pegawai Operasi PTPTN, serta disaksikan oleh YBrs. Tuan Haji Naim bin Maslan, Pendaftar UTHM. Majlis turut dihadiri barisan kepimpinan universiti dan delegasi PTPTN. Kerjasama ini merangkumi sembilan skop termasuk peningkatan kemahiran graduan, pembudayaan tabungan SSPN, penyelidikan pinjaman pendidikan, program kesedaran bayaran balik, penglibatan alumni, anugerah melalui akaun SSPN, penyampaian maklumat, program CSR dan lain-lain inisiatif strategik. Kerjasama ini diharap terus memperkukuh hubungan antara UTHM dan PTPTN pada masa hadapan.

Kerjasama TVET Rentas Sempadan: UTHM Perkukuh Hubungan di Persidangan China-Asean

15 Sept 2025 - UTHM terus meneguhkan peranan sebagai peneraju dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan menyertai 2025 China (Guangxi)-ASEAN *Conference on Vocational Education Cooperation and Development* di Nanning, China. Persidangan bertema "AI 赋能先进制造工匠培养平行会议– *Fostering Advanced Manufacturing Craftsmanship via AI Applications*" memberi fokus kepada peranan AI dalam membentuk tenaga kerja mahir industri pembuatan canggih. UTHM diwakili oleh Prof. Dr. Afandi Ahmad, Provost UTHM, sebagai panel jemputan utama, dan Prof. Madya Dr. Abu Ubaidah Shamsudin, Timbalan Pengarah ICRC, bersama delegasi. Diskusi panel menumpukan pada pengembangan bakat pembuatan maju di kolej vokasional China-ASEAN, melibatkan peserta dari institusi pendidikan dan industri antarabangsa termasuk UBTech Robotics, Guangxi Yuchai Machinery, dan Contect Sdn. Bhd. Penyertaan ini memperkukuh kerjasama tiga pihak antara universiti, industri dan rakan strategik antarabangsa, membuka peluang penyelidikan bersama, latihan industri pelajar, perkongsian kepakaran teknologi, serta inovasi dalam TVET dan teknologi pintar, sejajar dengan aspirasi pembangunan tenaga mahir dan industri 4.0 serantau.

Majlis Peluncuran Festival Idea Johor (FIJ) 2025, serahan Memorandum Perjanjian (MoA) dan Pameran Pempamer daripada UTHM

5 Okt 2025 - FIJ 2025 telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan & Pembangunan), KPT, dengan kehadiran YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTHM, bagi majlis serahan dokumen MoA antara UTHM dan Komuniti Koperasi Hybrid Selatan Berhad. Perjanjian ini merangkumi aktiviti penyelidikan, perundingan, pertukaran ilmu dan penglibatan komuniti dalam projek teknologi lestari bertajuk *Enhancing Industrial Rabbit Feed: Innovations in Pellet Development*, dengan dana keseluruhan melebihi RM152,600 daripada pelbagai sumber. Selain itu, empat penyelidik UTHM dipilih sebagai pempamer termasuk Ts. Muhammad Shukri Ahmad (*Makerspace* UTHM), Prof. Madya Dr. Fadillah Ismail (*Roselle Young Agropreneur*), Dr. Mohd Nazrul Roslan (Kulit Lestari) dan Ts. Inv. Mahmod Abd Hakim (*Cymbotech Cutter*). Bertemakan "Komuniti Bestari, Masa Depan Lestari", FIJ 2025 berjaya merapatkan jurang universiti-komuniti sambil mengetengahkan produk inovasi berimpak tinggi.

UTHM sertai Sesi Libat Urus bersama Sekolah Amanah Negeri Johor

11 Nov 2025 - ICRC, UTHM telah menyertai sesi libat urus bersama Sekolah Amanah Negeri Johor di SK Ladang Pendas. Delegasi UTHM diketuai oleh Dr. Nurul Nadia binti Adnan, Ketua Jabatan Pemindahan Ilmu dan Masyarakat, bersama Prof. Madya Dr. Hamizah binti Mohd Safuan (FAST), Ts. Muhammad Shukri bin Ahmad, dan Encik Mokhtar bin Yahya. Mesyuarat dipengerusikan oleh Puan Kamariah binti Salim, Penolong Pengarah Sekolah Jenis Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Perbincangan menumpukan usaha memperkukuh sokongan kepada sekolah amanah, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, serta memanfaatkan teknologi digital dan pendekatan inovatif untuk menyokong pendidikan abad ke-21. Kerjasama ini dijangka membuka ruang bagi pelbagai inisiatif strategik antara UTHM dan sekolah-sekolah amanah, memperkasa ekosistem pendidikan negeri Johor.

I²E Dialogue: Bridging Academia and Industry (Semicon Connect)

23 Ogos 2025 - I²E melalui Pusat Penyelidikan Shamsudin - Mikroelektronik dan Nanoteknologi (MiNT-SRC) telah berjaya menganjurkan Program I²E *Dialogue: Bridging Academia and Industry (Semicon Connect)* yang diadakan di Hotel Eastin, Pulau Pinang

Program ini merupakan program rintis pertama yang dianjurkan oleh I²E untuk membina kerjasama yang rapat dengan pemain industri. Fokus Program Dialog I²E ini adalah untuk mendapatkan input daripada wakil alumni UTHM, terutamanya dalam bidang semikonduktor, bagi menambahbaik program pengajian sedia ada, maklum balas mengenai silibus program baharu, peluang latihan industri dan kerjaya dalam sektor semikonduktor, kursus kompetensi, kursus jangka pendek, serta meningkatkan tawaran perkhidmatan fasiliti pengujian serta perundingan yang ditawarkan oleh Pusat Kecemerlangan (CoE) yang menyokong kebolehpasaran graduan.

Program ini telah dipengerusikan oleh Prof. Ts. Dr. Hj. Mohd Khairul bin Ahmad, Pengarah I²E, dan diketuai oleh Prof. Madya Dr. Marlia binti Morsin, Ketua Pusat MiNT-SRC. Sementara itu, wakil alumni yang hadir adalah alumni yang kini bekerja dalam bidang semikonduktor di Jabil Circuit Sdn. Bhd, Elna PCB (M) Sdn. Bhd, Thunder Software Technology Malaysia Sdn. Bhd, Altera Corporation (M) Sdn. Bhd, GlobalFoundries Malaysia, Intel Technology Sdn. Bhd, dan SanDisk Storage Malaysia Sdn. Bhd.

Lawatan Kerja ke Projek *Rapid Transit System Link* (Rts Link) antara Johor Bahru dan Singapura

11 Ogos 2025 - Pusat Kecemerlangan Industri Rel (ICoE-Rail) yang diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Joewono Prasetijo telah mengetuai lawatan kerja ke projek *Rapid Transit System Link* (RTS Link) antara JB-Singapura bagi tujuan kerjasama strategik. Pelajar mobiliti KoreaTech, pelajar siswazah UTHM, dan kakitangan I²E juga diberikan peluang untuk menyertai lawatan ke RTS *Link* ini.

Delegasi UTHM diberi penerangan berkaitan pembangunan infrastruktur RTS *Link* dan juga berpeluang melawat Depot Wadi Hana, yang merupakan Depot RTS *Link* yang dilengkapi dengan pakej penyelenggaraan kereta api yang lengkap. Agenda lawatan ini antaranya;

1. Pembentangan mengenai 3D Prism Hologram dan Skrin Sentuh Interaktif RTS Link oleh Encik Asnan Ayob, Pengarah Jabatan Pengurusan Projek.
2. Ucapan alu-aluan oleh Ir. Zulkifli Mohamed, Pengarah Projek RTS Link.
3. Taklimat projek dan perkembangan terkini RTS Link oleh Encik Asnan Ayob.
4. Sesi Pandangan Menghadap dari Pusat Maklumat Projek RTS Link.
5. Taklimat projek ringkas di kawasan pemerhatian tapak projek Depot Wadi Hana Depot oleh Encik Asnan Ayob.

Majlis Sambutan 30 Tahun Akademi Sains Malaysia (ASM) & Penganugerahan Felo ASM 2024/2025

Batu Pahat - UTHM merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) atas pelantikan sebagai Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) bagi tahun 2025 dalam bidang Teknologi Maklumat dan Sains Komputer bersempena Majlis Sambutan 30 Tahun Akademi Sains Malaysia (ASM) & Penganugerahan Felo ASM 2024/2025 bertempat di Hotel Majestic, Kuala Lumpur.

Sesi penyampaian sijil pelantikan Felo telah disempurnakan oleh Pengerusi ASM YM Datuk Dr. Tengku Mohd Azzman Shariffadeen, dalam satu majlis eksklusif semasa *Hi-Tea*. Pada sebelah malam, majlis makan malam rasmi turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap penyampai ucaptama khas, bersama YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Pelantikan ini merupakan satu pengiktirafan berprestij terhadap kepakaran dan sumbangan cemerlang Prof. Ts. Dr. Rabiah dalam bidang akademik, penyelidikan dan inovasi, khususnya dalam memperkasa teknologi maklumat negara. UTHM amat berbangga atas pencapaian ini dan yakin pelantikan beliau sebagai Felo ASM akan terus mengangkat nama universiti serta menyumbang kepada pembangunan negara melalui ilmu dan inovasi.

Meneroka Kerjasama Baharu dengan IIT Palakkad

Batu Pahat - Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan (EMCenter) berbesar hati mengalu-alukan kedatangan Prof. Madya Dr. Sukomal Dey dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Indian *Institute of Technology* (IIT) Palakkad, semasa lawatannya ke Fakulti kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), UTHM.

Prof. Madya Dr. Sukomal mengetuai Kumpulan Penyelidikan Gelombang Mikro di IIT Palakkad, berkongsi sinergi penyelidikan bersama Pusat Penyelidikan Elektromagnetik Gunaan (EMCenter) di UTHM. Lawatannya memberikan peluang yang baik untuk bertukar idea dan meneroka peluang kerjasama masa depan. Penyelidik dari pusat penyelidikan dan kumpulan fokus FKEE turut menyertai sesi perbincangan ini:

- ATRC – Advanced Telecommunication Research Cluster
- RFMD – Radio Frequency and Microwave Devices
- WAP – Wireless and Propagation

Mesyuarat tersebut merangkumi topik penyelidikan yang menarik termasuk rekabentuk antena, penderiaan RF/gelombang mikro, permukaan pemilih frekuensi, metamaterial, dan teknologi komunikasi maju tanpa wayar. EMCenter berharap dapat membangunkan kerjasama yang bermakna antara UTHM dan IIT Palakkad—melalui projek penyelidikan bersama serta peluang pertukaran pelajar.

Pengiktirafan kepada UTHM di atas kejayaan pembangunan dan pelaksanaan Model Tahfiz-TVET bersama Institut Tahfiz Kemahiran Jawahir, Batu Pahat Johor

28 Ogos 2025 - iSWAJ UTHM telah mendapat pengiktirafan di atas kejayaan pembangunan dan pelaksanaan Model Tahfiz-TVET UTHM kepada guru-guru tahfiz melalui latihan ikhtisas pendidikan dan pelajar-pelajar tahfiz melalui latihan TVET di UTHM. Pengiktirafan ini telah disampaikan oleh Ts. Dr. Muhammad Faizal bin Tahiruddin (Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pembangunan Tahfiz TVET, Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia) sempena Majlis Konvokesyen Diploma TVET Senibina dan Sijil Kecemerlangan Tahfiz kali ke-2 2025 di Dewan Seri Nilam ADTEC Batu Pahat. Perasmian disempurnakan oleh Ts. Dr. Muhammad Faizal bin Tahiruddin dan ucaptama oleh Ts. Dr. Hj. Azli Amin bin Hj. Ahmad Raus (Timbalan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Institut Tahfiz Kemahiran (INTAKE) Jawahir). Kerjasama di antara iSWAJ UTHM dan Institut Tahfiz Kemahiran (INTAKE) Jawahir telah dimeterai pada 12 Ogos 2025 melalui Surat Hasrat (LoI).

Perkhidmatan Sertu Industri di Tsang Lin Industries

2 Sept 2025 - iSWAJ melaksanakan sertu di Tsang Lin Industries di Kawasan Perindustrian Senai, Johor bagi memenuhi piawaian persijilan halal dan garis panduan RSS iaitu piawaian manual halal MS1500.

Pelaksanaan sertu dilakukan oleh Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol (Ketua Jabatan Penyelidikan dan Penerbitan), Dr. Wan Ainaa Mardhiah binti Wan Zahari (Ketua Jabatan Ekonomi & Halal, iSWAJ) dan Ir. Dr. Faizal Bin Pakir (Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina).

The 4th International Conference on Islamic Thoughts (PEMIKIR 4) 2025

23 Sept 2025 - Majlis Perasmian *The 4th International Conference on Islamic Thoughts: "The Role of Religious Institutions for The Welfare of the Ummah"* telah disempurnakan oleh Exco Agama Negeri Johor, YB Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid, dengan turut dihadiri oleh wakil rasmi Naib Canselor UTHM Prof. Madya Dr. Khairun Nidzam bin Ramli, SS YB Dato' Haji Ahmad Faisal bin Mohamed Timbalan Mufti Negeri Johor; wakil rasmi SS YB Dato' Haji Yahya Bin Ahmad Mufti Negeri Johor, YB Dato' Hj M Tahrir Bin Dato' Hj Kiyai Samsuddin

Mantan Mufti negeri Johor merangkap Ahli Majlis Agama Islam Negeri Johor, Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil

Turut hadir Tuan Haji Yosree bin Ikhsan Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Agama Islam Negeri Johor, YM Haji Matussein bin Haji Jumat Pengarah Pusat Pengkajian Ahli Sunnah Waljamaah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam dan Pengerusi PEMIKIR 4 Dr. Nur Zainatul Nadra Zainol.

Sempena persidangan tersebut, Sohibul Samahah Dato' Mohamed Faisal Timbalan Mufti Johor membentangkan ucaptama mewakili Sahibul Samahah Mufti Negeri Johor yang bertajuk "Institusi Kefatwaan Teras Kemakmuran Sejagat".

Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil turut menyampaikan ucaptama bertajuk "Institusi Agama Sebagai Pemacu Tadbir Urus Madani" manakala sesi petang pula diteruskan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa); YBhg Prof Dr. Shahruddin bin Mahzan @Mohd Zin sebagai pengucaptama tiga yang bertajuk "Integrasi TVET dalam memenuhi Keperluan Kerja" pada 23 September 2025 bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Muzakarah Halal TVET

24 Sept 2025 - Muzakarah halal TVET telah diadakan sempena Persidangan Antarabangsa Pemikiran Islam kali ke-4 (PEMIKIR-4) UTHM.

Majlis Pengiktirafan Jaminan Tahfiz Johor kali ke-4 Tahun 2025

11 Sept 2025 - iSWAJ sebagai panel penilaian *Johor Tahfiz Quality Assurance* (JTQA) Negeri Johor telah dijemput untuk menghadiri Majlis Pengiktirafan JTQA kali ke-4 Tahun 2025 diadakan di Hotel New York Johor Bahru bagi memberi pengiktirafan tertinggi kepada madrasah Tahfiz di seluruh Johor yang telah dinilai sepanjang tahun 2024. Sebanyak 12 buah madrasah tahfiz telah diiktiraf dan dianugerahkan dalam majlis ini yang telah dirasmikan oleh YB Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor. Majlis ini telah dihadiri oleh Pengarah iSWAJ dan dua orang Ketua Jabatan merangkap panel penilai JTQA.

Bengkel Pembinaan Modul Imam Remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) peringkat Negeri Johor

15 Okt 2025 - Bengkel pembinaan modul imam remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) peringkat Negeri Johor telah diadakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ).

Lawatan hormat ke Kedutaan Uzbekistan di Malaysia

30 Okt 2025 - Lawatan ini bertujuan untuk membincangkan pembangunan Hab Halal di Uzbekistan. Kedutaan Uzbekistan di Malaysia diketuai oleh Dr. Karomiddin Gadoev dan dibantu oleh Alisher Gafurov.

Kutipan data Penyelidikan Tahap Penilaian Perlaksanaan Kuliah Tafsir di Negeri Johor - Daerah Muar

13 Nov 2025 - Kutipan data Penyelidikan Tahap Penilaian Perlaksanaan Kuliah Tafsir di Negeri Johor telah diadakan di daerah Muar bertempat di Dewan Sheikh Al-Fadhil Banten, Masjid Sultan Ibrahim, Muar. Kutipan data ini melibatkan lapan orang guru takmir (Tafsir).

Sesi Klinik Komersial

11 Ogos 2025 - ICC telah mengadakan sesi Klinik Komersial bersama D Vista Consultancy Sdn. Bhd. bagi membincangkan strategi, hala tuju, dan potensi pengkomersialan produk inovasi universiti dalam memastikan hasil penyelidikan dapat dimanfaatkan secara optimum di pasaran.

Terima kasih diucapkan kepada D Vista Consultancy Sdn. Bhd. atas kerjasama dan komitmen yang diberikan. Semoga hubungan ini terus memberi impak positif dalam mengangkat inovasi tempatan ke peringkat yang lebih tinggi

ASEAN TVET Conference 2025

14 Ogos 2025 - ICC UTHM telah menghantar seramai tiga orang penyelidik untuk menyertai *ASEAN TVET Conference* 2025 yang berlangsung pada 13 – 14 Ogos 2025 di World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL).

Penyelidik yang terlibat ialah:

1. Ir. Ts. Dr. Noorasyikin binti Mohammad Noh – *Learning Innovation Through Snake Ladder & Crossword - Geoenvironment*
2. Dr. Hisyam bin Abdul Rahman – *Rehabilitation and Assessment Device* (ReHAD)
3. Ts. Dr. Mohd Nazrul bin Roslan – *Innovative Eco-Leather (Planthides): From Waste to Wealth*

Bertemakan *"Advancing Digital and Green Transformations Through an Inclusive and Future-Ready TVET System"*, pameran ini telah membuka ruang perkongsian ilmu serta peluang kerjasama strategik bersama pelbagai pihak di peringkat antarabangsa.

Penyertaan ini sekali gus menyerlahkan peranan UTHM dalam menyokong agenda pendigitalan, transformasi hijau serta pengukuhan ekosistem TVET di rantau ASEAN.

Festival Idea @ Johor (FIJ 2025)

5 Okt 2025 - ICC UTHM tidak melepaskan peluang menyertai *Festival Idea* @ Johor (FIJ 2025) anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Dua penyelidik/produk UTHM terpilih untuk menjadi pempamer berdasarkan pencalonan di bawah UTM iaitu Ts. Dr. Mohd Nazrul Bin Roslan (FTK) dengan produk beliau bertajuk Kulit Lestari dan Ts. Inv. Mahmod Abd Hakim Bin Mohamad (PPD) dengan produk beliau bertajuk Cymbotech Cutter.

Dengan bertemakan "Komuniti Bestari, Masa Depan Lestari" penganjuran FIJ 2025 adalah bertujuan untuk merapatkan jurang antara Universiti dan Komuniti disamping mengetengahkan produk inovasi yang berimpak tinggi kepada komuniti.

FIJ 2025 telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman Hassan. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM, YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah Binti Ahmad, FASc.

Festival Idea Putrajaya 2025

8 Nov 2025 - Pavilion TVET Inovatif, yang diketuai oleh UTHM selaku universiti peneraju di bawah Malaysia Technical University Network (MTUN), melabuhkan tirainya dengan jayanya selepas lima hari pameran di Festival Idea Putrajaya (FOI) 2025 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Pavilion ini menghimpunkan pelbagai hasil inovasi dan penyelidikan daripada empat universiti MTUN iaitu UTHM, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), dengan sokongan rakan strategik Politeknik Malaysia serta Universiti Selangor (UNISEL).

Acara ini turut menyerlah dengan kehadiran delegasi rasmi yang diketuai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi, serta barisan pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Turut hadir memberi sokongan ialah YBhg. Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UTHM; YBhg. Profesor Dr. Mas Fawzi bin Mohd Ali, Naib Canselor UTHM; Tn. Haji Naim bin Maslan, Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi (COO); En. Ismail bin Haron, Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan (CFO); Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Irwan bin Juki, Penolong Naib Canselor (Digital & Infrastruktur) / Ketua Pegawai Digital (CDO); serta pengurusan tertinggi universiti yang turut sama menjayakan pameran tersebut.

Setinggi-tinggi penghargaan turut dirakamkan kepada Profesor Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, FASc, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) atas bimbingan dan sokongan berterusan sepanjang penyertaan di FOI 2025. Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada PROF. Eur Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron bin Shahidan, Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) UTHM, selaku Ketua Peneraju dan Ketua Penyelaras Pavilion TVET Inovatif, atas kepimpinan cemerlang dalam menyelaras keseluruhan pameran ini.

Pavilion ini menjadi wadah mempamerkan komitmen UTHM dan universiti di bawah MTUN dalam memperkasa ekosistem TVET negara, memperkukuh jalinan universiti, industri dan masyarakat, serta menyokong aspirasi Malaysia MADANI ke arah masa depan yang lestari dan berdaya saing.

Aktiviti Sepanjang 2025